

07/04/1997

GBC anjur seminar Rabu ini

PERSATUAN kontraktor Bumiputera Negeri Selangor (GBC) akan menganjurkan seminar sehari Rabu ini, bertujuan memperbanyakkan kontraktor Bumiputera kelas menengah di samping menerangkan prospek dan peluang yang bakal dinikmati dari pembangunan di Selangor.

Pengerusi GBC Datuk Mohd Said Saman berkata, seminar bertajuk 'Membangunkan Kontraktor Melayu Kelas Menengah Selangor' itu juga bertujuan mengenal pasti pendekatan baru bagi menjayakan hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memperbanyakkan lagi kontraktor Melayu kelas menengah dalam semua bidang terutama dalam bidang kontraktor binaan.

"Ini adalah kerana golongan usahawan kelas menengah itu juga akan memainkan peranan penting dalam sistem ekonomi yang mengamalkan pasaran bebas," katanya.

Kira-kira 200 kontraktor pelbagai kelas akan menghadiri seminar itu turut berpeluang mengenal pasti arah tuju serta prospek dan peluang perniagaan di Selangor di samping berdialog dengan Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Muhd Taib. - Bernama

(END)